

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan strategik dalam menggerakkan kembali ekonomi negara pada Pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan pandemik COVID-19 dalam suasana ketidakpastian ekonomi dan perdagangan dunia beserta harga komoditi yang rendah telah memberi kesan yang amat ketara kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) telah berkembang perlahan sebanyak 0.7 peratus dalam tempoh suku pertama 2020. Berdasarkan petunjuk ekonomi terkini, pertumbuhan ekonomi pada suku kedua 2020 dijangka mencatat pertumbuhan negatif. Semua sektor utama ekonomi telah terjejas akibat penularan wabak ini. Di samping itu, sekatan perjalanan merentas sempadan oleh kebanyakan negara juga telah menjejaskan ketibaan pelancong sekaligus memberi kesan kepada sektor pelancongan terutamanya industri perhotelan, penerbangan serta perdagangan borong dan runcit.

2. Dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara yang terjejas kesan daripada pandemik COVID-19 ini, Kerajaan telah membuat perancangan berdasarkan enam peringkat iaitu:

- a. Ketegasan (*Resolve*);
- b. Ketahanan (*Resilience*);
- c. Memulakan Semula (*Restart*);
- d. Pemulihan (*Recovery*);
- e. Memperkasa (*Revitalise*) dan;
- f. Menyusun Semula (*Reform*).

3. Kita telah melepasi 3 peringkat. Peringkat pertama “ketegasan” telah melibatkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peringkat kedua “ketahanan” tertumpu kepada penyediaan bantuan segera untuk meringankan beban yang ditanggung oleh isi rumah dan golongan peniaga melalui pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN. Sementara dalam peringkat ketiga “memulakan semula”, sektor-sektor ekonomi telah dibuka semula mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Kini, kita berada dalam peringkat keempat “pemulihan” dengan pelaksanaan Pelan Jana Semula Ekonomi

(PENJANA) yang merupakan pelan jangka pendek bagi merangsang aktiviti ekonomi domestik. Pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi dan penubuhan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) akan memastikan inisiatif di bawah PENJANA dan PRIHATIN mencapai sasaran dengan cara yang telus.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selagi vaksin COVID-19 belum dijumpai dan digunapakai sepenuhnya oleh masyarakat dunia, kita belum pasti bila pandemik ini akan benar-benar berakhir. Namun, Kerajaan akan meneruskan perancangan strategiknya bagi memastikan ekonomi bersedia dan berdaya tahan dalam norma baharu. Sejurus itu, Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan pada bulan November kelak akan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk terus meningkatkan kualiti hidup rakyat, merancakkan ekonomi, memastikan pembangunan yang mampan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Dalam peringkat terakhir, “menyusun semula”, Rancangan Malaysia Keduabelas, 2021-2025 (RMKe-12) akan dibentangkan dalam suku pertama 2021, iaitu fasa pertama pelaksanaan Dasar Kemakmuran Bersama bagi memastikan pertumbuhan jangka panjang yang berkualiti, inklusif dan mampan.

5. Kesemua strategi yang sedang dan akan digubal bertumpu kepada isu dan cabaran untuk memacu semula aktiviti ekonomi dengan mengambil kira landskap baharu ekonomi dan persekitaran dunia pasca COVID-19. Sehubungan itu, Kerajaan yakin ekonomi Malaysia akan kembali pulih sejajar dengan peningkatan unjuran pertumbuhan global.

Sekian, terima kasih.